

03 SEP 2002

DR MAHATHIR BENTANG BELANJAWAN NEGARA 2003 PADA 20 SEPT

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan dijadual membentangkan Belanjawan Negara 2003 di Parlimen pada 20 Sept pukul 4 petang.

Pegawai Perhubungan Awam Parlimen, Ishak Momin berkata mesyuarat ketiga penggal keempat Dewan Rakyat akan bermula Isnin ini dan berakhir pada 12 Nov.

Mesyuarat Dewan Rakyat selama 38 hari itu juga akan menyaksikan pembentangan Rang Undang-undang Kesalahan Pilihan Raya (Pindaan 2002).

Yang turut dijadual dibentangkan ialah Rang Undang-undang Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) (Pindaan) 2002 dan Rang Undang-undang Akademi Undang-undang Malaysia 2002.

Dewan Negara pula dijadual bersidang selama 12 hari dari 11 hingga 28 Nov. Kedua-dua dewan itu bersidang setiap Isnin, Selasa, Rabu dan Khamis dari 10 pagi hingga 5.30 petang.

Menurut Ishak, acara angkat sumpah anggota Dewan Rakyat baru bagi kawasan Parlimen Pendang, Datuk Othman Abdul akan diadakan pada hari pertama persidangan Dewan Rakyat.

Othman memenangi kerusi Pendang dengan menewaskan calon Pas pada pilihan raya kecil 18 Julai lepas, yang diadakan ekoran kematian wakil rakyat kawasan itu Datuk Fadzil Noor, yang juga Presiden Pas.

Dewan Rakyat kini mempunyai 193 anggota dengan 152 orang daripada Barisan Nasional (BN), 26 PAS, 10 DAP dan lima Keadilan.

-- BERNAMA  
AZH ZS NMO